



29 Jun 2021
29 June 2021
P.U. (A) 284

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERINTAH CUKAI PENDAPATAN
(PENGECUALIAN) (NO. 8) 2021

*INCOME TAX (EXEMPTION)
(NO. 8) ORDER 2021*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

PERINTAH CUKAI PENDAPATAN (PENGECUALIAN) (NO. 8) 2021

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 127(3)(b) Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 8) 2021**.

(2) Perintah ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2021 hingga tahun taksiran 2023.

Tafsiran

2. Dalam Perintah ini—

“pelabur asing” ertinya—

- (a) individu yang tidak bermastautin di Malaysia atau bukan warganegara Malaysia;
- (b) syarikat yang seluruh modal syer diterbitkan yang faedahnya dimiliki, secara langsung atau tidak langsung oleh orang yang tidak bermastautin di Malaysia dan bukan warganegara Malaysia; dan
- (c) dana amanah yang seluruh kepentingan dalam dana itu yang faedahnya dipegang, secara langsung atau tidak langsung oleh pelabur asing, yang—
 - (i) dana itu diwujudkan di Malaysia atau di luar Malaysia; dan
 - (ii) pemegang amanah dana itu tidak bermastautin di Malaysia dan bukan warganegara Malaysia;

“Suruhanjaya Sekuriti Malaysia” ertinya Suruhanjaya Sekuriti Malaysia yang ditubuhkan di bawah seksyen 3 Akta Suruhanjaya Sekuriti Malaysia 1993 [*Akta 498*];

“syarikat” ertinya suatu syarikat yang—

- (a) diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016 [*Akta 777*];
- (b) bermastautin di Malaysia; dan
- (c) memegang suatu Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 [*Akta 671*] untuk menjalankan perniagaan yang disebut dalam subperenggan 3(1).

Pengecualian

3. (1) Menteri mengecualikan suatu syarikat daripada pembayaran cukai pendapatan dalam suatu tempoh asas bagi suatu tahun taksiran berkenaan dengan pendapatan berkanun yang diperoleh daripada suatu perniagaan menyediakan perkhidmatan pengurusan kumpulan wang kepada pelabur asing di Malaysia.

(2) Pengecualian yang diberikan di bawah subperenggan (1) hendaklah tertakluk kepada syarikat mendapatkan perakuan tahunan daripada Suruhanjaya Sekuriti Malaysia bahawa syarat yang berikut telah dipenuhi iaitu syarikat—

- (a) menyediakan perkhidmatan pengurusan kumpulan wang kepada pelabur asing di Malaysia menurut prinsip Syariah;
- (b) mempunyai sekurang-kurangnya dua orang pekerja sepenuh masa di Malaysia yang salah seorang daripada pekerja itu memegang suatu Lesen Wakil Perkhidmatan Pasaran Modal di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007; dan

- (c) melakukan perbelanjaan operasi tahunan sekurang-kurangnya dua ratus lima puluh ribu ringgit (RM250,000.00) di Malaysia.

(3) Tiada apa-apa jua dalam subperenggan (1) boleh melepaskan atau disifatkan telah melepaskan syarikat itu daripada mematuhi apa-apa kehendak untuk mengemukakan apa-apa penyata atau penyata akaun atau memberikan apa-apa maklumat lain di bawah Akta.

Akaun berasingan

4. Syarikat hendaklah menyenggara suatu akaun berasingan bagi pendapatan yang diperoleh daripada perniagaan yang disebut dalam subperenggan 3(1) dalam tempoh asas bagi setiap tahun taksiran dan pendapatan itu hendaklah dikira sebagai suatu sumber perniagaan yang berasingan dan berlainan bagi syarikat itu.

Pemakaian perenggan 5 dan 6 Jadual 7A kepada Akta

5. Perenggan 5 dan 6 Jadual 7A kepada Akta hendaklah terpakai, *mutatis mutandis*, bagi amaun pendapatan berkanun yang dikecualikan di bawah subperenggan 3(1).

Ketidakkpakaian

6. Seksyen 60G Akta tidak terpakai bagi pendapatan berkanun yang dikecualikan di bawah Perintah ini.

Dibuat 25 Jun 2021

[Perb. MOF.TAX(S) 700-3/1/613; LHDN.AY.A.600-12/1/7(29)-72; PN(PU2)80/Jld. 101]

TENGGU DATUK SERI UTAMA ZAFRUL BIN TENGGU ABDUL AZIZ
Menteri Kewangan

[Akan dibentangkan di Dewan Rakyat menurut subseksyen 127(4) Akta Cukai Pendapatan 1967]

INCOME TAX ACT 1967

INCOME TAX (EXEMPTION) (NO. 8) ORDER 2021

IN exercise of the powers conferred by paragraph 127(3)(b) of the Income Tax Act 1967 [Act 53], the Minister makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Income Tax (Exemption) (No. 8) Order 2021**.

(2) This Order has effect from the year of assessment 2021 until the year of assessment 2023.

Interpretation

2. In this Order—

“foreign investors” means—

- (a) individuals who are not resident in Malaysia or not citizen of Malaysia;
- (b) companies where the entire issued share capital is beneficially owned, directly or indirectly by any persons who are not resident in Malaysia and not citizen of Malaysia; and
- (c) trust funds where the entire interest in the fund is beneficially held, directly or indirectly by foreign investors, where—
 - (i) the fund is created in Malaysia or outside Malaysia; and
 - (ii) the trustees of the fund are not resident in Malaysia and not citizens of Malaysia;

“Securities Commission Malaysia” means the Securities Commission Malaysia established under section 3 of the Securities Commission Malaysia Act 1993 [Act 498];

“company” means a company which—

- (a) is incorporated under the Companies Act 2016 [Act 777];
- (b) is resident in Malaysia; and
- (c) holds a Capital Markets Services Licence under the Capital Markets and Services Act 2007 [Act 671] to carry on the business referred to in subparagraph 3(1).

Exemption

3. (1) The Minister exempts a company from the payment of income tax in a basis period for a year of assessment in respect of the statutory income derived from a business of providing fund management services to foreign investors in Malaysia.

(2) An exemption granted under subparagraph (1) shall be subject to the company obtaining annual certification from the Securities Commission Malaysia that the following conditions have been fulfilled namely the company—

- (a) provides fund management services to foreign investors in Malaysia in accordance with Shariah principles;
- (b) has at least two full-time employees in Malaysia of which one of the employees holds a Capital Markets Services Representative’s Licence under the Capital Markets and Services Act 2007; and
- (c) incurs annual operating expenditure of at least two hundred and fifty thousand ringgit (RM250,000.00) in Malaysia.

(3) Nothing in subparagraph (1) shall absolve or be deemed to have absolved the company from complying with any requirement to submit any return or statement of accounts or to furnish any other information under the Act.

Separate account

4. The company shall maintain a separate account for the income derived from the business referred to in subparagraph 3(1) in the basis period for each year of assessment and that income shall be treated as a separate and distinct source of business for the company.

Application of paragraphs 5 and 6 of Schedule 7A to the Act

5. Paragraphs 5 and 6 of Schedule 7A to the Act shall apply, *mutatis mutandis*, to the amount of statutory income exempted under subparagraph 3(1).

Non-application

6. Section 60G of the Act shall not apply to statutory income exempted under this Order.

Made 25 June 2021

[Perb. MOF.TAX(S) 700-3/1/613; LHDN.AY.A.600-12/1/7(29)-72; PN(PU2)80/Jld. 101]

TENGGU DATUK SERI UTAMA ZAFRUL BIN TENGGU ABDUL AZIZ
Minister of Finance

[*To be laid before the Dewan Rakyat pursuant to subsection 127(4) of the Income Tax Act 1967*]